



YU TIAN turut berharap dapat diberi pendedahan untuk beraksi dalam banyak kejohanan bagi melayakkan diri ke Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur.

## Penantian hampir empat tahun Yu Tian tuai hasil

ATLET lompat bergalah wanita, Chuah Yu Tian meluahkan kegembiraannya selepas berjaya melepassi had ketinggian 3.50 meter pada temasya SukIPT 2016 semalam.

Riau wajah gembira atlet dari Universiti Putra Malaysia (UPM) itu dapat dilihat dengan jelas sebaik melepassi had ketinggian tersebut selepas hampir empat tahun mencuba sejak tahun 2012.

Kali terakhir Yu Tian, 23, melakukannya ialah sewaktu memenangi pingat emas temasya Sukan Malaysia (Sukma) 2012 di Pahang dengan catatan peribadi terbaik 3.55m.

"Lompatan saya konsisten setiap tahun, dalam lingkungan 3.40m. Saya memang geram dengan diri sendiri kerana orang lain mudah melakukan catatan peribadi terbaik setiap kali

mencuba.

"Saya pula sudah tiga tahun lebih tak dapat mengatasi 3.50m. Keinginan saya cukup tinggi untuk melepasinya hari ini (kelmarin).

"Kalau saya dapat lepas 3.60m, ia akan menjadi catatan peribadi terbaik tetapi bagi saya, ini merupakan permulaan yang bagus awal tahun ini," katanya kepada *Kosmo!*.

Catatan itu membolehkan Yu Tian memadam rekod temasya yang juga miliknya, 2.80m pada aksi di Stadium Utama Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor semalam.

Pingat perak dimenangi rakan sepasukannya dari UPM, Nur Nadira Natalia Mohd. Manshahar dengan catatan 2.80m, manakala atlet Universiti Taylor, Amelia Norzamirni meraih gangsa.